

30 MAR 2003

Seminar-Mahathir (Bergambar)

SEMINAR MENGENAI DR MAHATHIR DI UAE

Oleh: Mohd Haikal Isa

ABU DHABI, 30 Mac (Bernama) -- Pusat Koordinasi dan Susulan Zayed (ZCCF), sebuah institusi pemikir terkemuka Emiriah Arab Bersatu (UAE), akan menganjurkan seminar mengenai sumbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada dunia Arab dan Islam.

Duta Malaysia ke UAE Datuk Syed Hussein Al-Habshee berkata, seminar yang dianjurkan bersama dengan Kedutaan Malaysia itu, akan cuba menyelami pelbagai aspek kepimpinan Perdana Menteri yang telah berjaya membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara industri berteknologi tinggi.

"Seminar ini bertujuan memaklumkan kepada dunia Arab tentang bagaimana Dr Mahathir membangunkan Malaysia, cara kepimpinan beliau. Dunia Arab perlu didedahkan mengenai corak kepimpinan beliau," katanya ketika ditemui di Kedutaan Malaysia di sini hari ini.

Syed Hussein berkata Dr Mahathir amat dikenali dan dikagumi di dunia Arab dan ini telah memudahkan urusan rakyat Malaysia di negara-negara Asia Barat terutamanya dalam urusan perdagangan dan ekonomi.

"Nama Dr Mahathir seperti passport kepada rakyat Malaysia ketika mereka berada di negara-negara Arab," katanya.

Seminar sehari itu yang bertajuk "Sumbangan Dr Mahathir Mohamad Kepada Dunia Arab-Islam," akan berlangsung pada 15 Mei ini.

Syed Hussein berkata penganjur telah menjemput bekas Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid yang juga Presiden Universiti Islam Antarabangsa (UIA) sebagai seorang daripada pembentang kertas kerja.

Timbalan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Prof Datuk Dr Syed Ahmad Hussein serta dua orang tokoh akademik UAE juga akan membentangkan kertas kerja mereka pada seminar itu.

Sebanyak 100 orang peserta terdiri dari diplomat, pegawai tinggi kerajaan dan ahli perniagaan serta wakil-wakil media negara-negara Arab dijangka menghadiri seminar itu.

Syed Hussein berkata rumusan daripada seminar situ akan dibukukan oleh ZCCF untuk diedarkan ke seluruh dunia Arab.

Dr Jamal Al Majaida, pengarang agensi berita nasional UAE, WAM berkata bahawa selain menonjolkan kejayaan Dr Mahathir, seminar itu adalah bukti tentang hubungan baik antara Malaysia dan UAE.

Al Majaida berkata Dr Mahathir disanjung tinggi dalam dunia Arab antara lainnya kerana keberanian beliau menentang pencerobohan Amerika Syarikat di Iraq.

"Dr Mahathir adalah antara tokoh politik dunia paling penting dalam abad ini. Beliau satu-satunya pemimpin yang masih cuba menghentikan pencerobohan di Iraq itu," katanya.

ZCCF merupakan sebuah institusi Liga Arab dan ia dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri UAE Sheikh Sultan Bin Zayed Al Nahyan.

-- BERNAMA
MHI KHY MAI